



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN: **LJT 6 Jld 9/(8)**
RUJUKAN KAMI:
(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

07 Ogos 2015

SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMBERIAN INSENTIF BAGI PEMBELIAN PERISIAN *COMPUTER AIDED DESIGN (CAD)*

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (Lembaga) pernah memberikan perisian *CAD* kepada semua Jurukur Tanah Berlesen (JTB) pada tahun 2003/2004. Menyedari akan keperluan JTB pada masa kini dalam melaksanakan kerja-kerja harian dalam persekitaran digital maka sebagai sokongan terhadap profesion ukur, sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga dalam mesyuaratnya yang ke-450 telah meluluskan untuk memberi insentif kepada setiap JTB bagi pembelian perisian *CAD*. Tujuan pemberian insentif ini adalah untuk memudahkan JTB dalam melaksanakan tugas yang memerlukan perisian tersebut.

3. Insentif pembelian ini adalah berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM3,000 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu sahaja).

4. Berikut adalah syarat-syarat bagi permohonan pemberian insentif tersebut:

- 4.1 Pembelian perlu dibuat mulai dari tarikh surat ini sehingga 31 Disember 2015.
- 4.2 Permohonan tersebut perlu menggunakan borang yang disediakan seperti di **Lampiran A**.
- 4.3 Permohonan perlu disertakan dengan inbois, resit dan *Delivery Order* daripada pembekal.


5. Antara jenis-jenis perisian *CAD* yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- 5.1 *ZWCad*
- 5.2 *AutoCAD*
- 5.3 *BricsCAD*

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(Sr ISMAIL BIN HARUN)

Setiausaha

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

s.k. YBhg. Datuk Sr Ahmad Fauzi bin Nordin, *PMW, DPMT, DSAP, JSM, SMZ, KMN*
Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN INSENTIF PEMBELIAN
PERISIAN *COMPUTER AIDED DESIGN (CAD)***

1. Butiran JTB

1.1 Nama JTB :

1.2 Nama Firma :

1.3 Alamat Pejabat:

2. Butiran Pembelian Perisian CAD

(sila sertakan Invoice, Delivery Order dan Resit sebagai bukti)

2.1 Jenis Perisian :

2.2 No. Lesen/Siri :

2.3 Pembekal :

2.4 Harga Belian :

2.5 Tarikh Pembelian :

3. Perakuan

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

.....
(Tandatangan dan cop JTB)

Tarikh :